

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA) JTM BIL 3/2022**

Tarikh	:	12 April 2022 (Selasa)
Masa	:	2:30 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM
Pengerusi	:	Encik Mat Setia bin Mohd Raji Timbalan Ketua Pengarah JTM
Kehadiran	:	Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil.3 Tahun 2022 (Bil.3/2022).
- 1.2. Pengerusi juga menzahirkan ucapan tahniah atas penganjuran Kursus 'Sharing Knowledge with Champion EKSA' - Kesedaran & Amalan Pembudayaan Amalan EKSA yang diadakan pada 8 April 2022. Taklimat yang disampaikan oleh Encik Zahari bin Md Zain - Champion EKSA daripada ILP Nibong Tebal dilihat sebagai taklimat yang bermanfaat dan perlu lebih banyak diadakan dalam usaha JTM meningkatkan imej korporat secara positif, menggalakkan pembudayaan amalan hijau, menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi serta mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif.
- 1.3. Pengerusi turut mengingatkan kepada semua ahli mesyuarat supaya menetapkan sasaran EKSA secara berperingkat agar mudah dicapai dan dilaksanakan.

MAKLUMAN

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.2/2022 bertarikh 28 Mac 2022 disahkan oleh Cik Junita binti Mohamed Ali dan disokong oleh YBrS. Dr. Azmir bin Mohd Yunus.

MAKLUMAN

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat bersetuju:

- 3.1 Garis Panduan EKSA JTM disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.3/2022. Sebarang pindaan atau penambahbaikan perlu dikemukakan kepada Urus setia sebelum garis panduan ini diedarkan kepada semua warga JTM.

MAKLUMAN

- 3.2 Selaras dengan itu, arahan dalaman daripada pihak Pengurusan JTM perlu dikeluarkan untuk menguatkuasakan penggunaan Garis Panduan EKSA JTM ini: **Arahan Pentadbiran Dalaman JTM Rujukan XXX - Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM bertarikh XX April 2022**. Garis panduan ini diharap dapat memantapkan lagi pengurusan persekitaran pejabat supaya semua warga JTM dapat bekerja dalam persekitaran tempat kerja yang lebih sistematik, selesa dan kondusif.

TINDAKAN: Urus setia

- 3.3 Secara umumnya, panduan ini akan menjadi sumber rujukan semua warga JTM dalam pelaksanaan EKSA sebagai usaha bersepadu JTM dalam memperkasakan sistem pengurusan jabatan bagi menjadikan tempat kerja bersih, tersusun, kemas dan selamat. Fasilitator dan Jawatankuasa Audit khususnya, perlu mahir dan memahami secara menyeluruh panduan yang dibangunkan ini bagi membina pasukan audit EKSA JTM yang mantap dan menjadi sumber rujukan ahli zon/bahagian masing-masing.

TINDAKAN: Fasilitator / Jawatankuasa Audit

Mesyuarat turut bersetuju:

- 3.4 Majlis Menandatangani Dasar EKSA JTM dan Pelancaran Panduan EKSA oleh Ketua Pengarah JTM diadakan pada 14 April 2022 (Khamis) di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) JTM Aras 6 sebagai tanda sokongan pihak Pengurusan JTM terhadap program EKSA seterusnya usaha ke arah mendapat pengiktirafan pihak MAMPU. Semua Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA JTM diwajibkan hadir secara fizikal di BMU JTM, Aras 6. Manakala, bagi semua warga JTM kehadiran adalah secara atas talian (online).

MAKLUMAN

- 3.5 Atur cara Majlis Menandatangani Dasar EKSA JTM dan Pelancaran Panduan EKSA oleh Ketua Pengarah JTM adalah seperti berikut :

1:30 petang	:	Pendaftaran warga JTM
2:00 petang	:	Ketibaan KP JTM
		Bacaan Doa - En. Ahmad Saiful Rahman bin Ab. Rahim
		Ucapan Aluan oleh Pengerusi J/kuasa Induk EKSA JTM - En. Mat Setia bin Mohd Raji, TKP JTM
		Ucapan oleh Penaung J/kuasa Induk EKSA JTM - En. Shakib bin Ahmad Shakir, KP JTM
		Perkongsian EKSA JTM oleh Fasilitator Interim J/kuasa Induk EKSA JTM - Hjh. Noor Lisa Rahmat
		Sesi tandatangan Dasar EKSA oleh KP JTM
		Pelancaran Panduan EKSA JTM
3:00 petang	:	Bersurai

MAKLUMAN

4. HAL-HAL LAIN

Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan EKSA berikut:

4.1 *Whatsapp* Working Group EKSA JTM telah ditubuhkan pada 28 Mac 2022 bagi memudahkan urusan pelaksanaan dan penyelarasan kerja EKSA dengan keahlian sebanyak **19 orang** seperti berikut :

Penyelaras	:	1
Fasilitator	:	5
Jawatankuasa Latihan	:	1
Jawatankuasa Audit	:	1
Jawatankuasa Promosi	:	1
Setiausaha & Urus Setia	:	10

MAKLUMAN

4.2 Satu sesi semakan dan pemurnian panduan EKSA telah diadakan pada 29 Mac 2022 (Selasa) di Bilik Mesyuarat KP JTM dengan kehadiran berikut :


Hjh. Noor Lisa Rahmat	:	Fasilitator Interim
Pn. Nurhaizum binti Mat Yusof	:	Setiausaha
Pn. Siti Nur Aisyah binti Abdul Razak	:	Fasilitator Zon Ruby
Pn. Nor Faizah binti Abdul Karim	:	Fasilitator Zon Amethyst
En. Fazli bin Ramli	:	Wakil J/kuasa Promosi
Pn. Juliana binti Ali	:	Urus Setia
Pn. Nur Hidayatul Nadzirah binti Amirudin	:	Urus Setia
Pn. Nur Yuzaena binti Mohmad Yussof	:	Urus Setia
En. Muhammad Farhan bin Hamid	:	Urus Setia

MAKLUMAN


4.3 Isu Surat Lantikan Jawatankuasa Pasukan EKSA :

Jawatankuasa Pasukan EKSA di Ibu Pejabat JTM adalah terdiri daripada Jawatankuasa Induk EKSA JTM dan Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA Bahagian/Zon.

4.3.1 Carta Organisasi Jawatankuasa Induk EKSA JTM



4.3.2 Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA Bahagian/Zon



MAKLUMAN

Mesyuarat bersetuju :

- 4.4 *Common area* EKSA di Aras 8 iaitu di kawasan lobi yang dikongsi bersama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dikeluarkan dari kawasan di bawah pengurusan dan tindakan Zon Amethyst. Ketetapan ini dipersetujui berdasarkan zon hanya kawasan yang dikawal selia 100% di bawah sesuatu zon/pentadbiran - perkongsian Champion EKSA pada 8 April 2022.

MAKLUMAN

Mesyuarat turut bersetuju

4.5 Sudut EKSA JTM secara maya (<https://myapps.jtm.gov.my/eksa/>) perlu sentiasa dikemas kini. Antara perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan pengemaskinian adalah :

4.5.1 Kiraan hit pengunjung

4.5.2 Mewujudkan kolum aktiviti bagi setiap Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Audit, Latihan dan Promosi. Kolum ini akan dikemas kini oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) masing-masing sebagaimana telah dipersetujui untuk wujudkan fungsi editor dalam mesyuarat sebelum ini.

Tindakan : Jawatankuasa Promosi

4.6 Hebahan EKSA secara mingguan perlu sentiasa menarik dan mengikut perancangan yang telah dibuat. Cadangan hebahan menggunakan poster menarik seperti Canva dan lain-lain.

Tindakan : Urus setia / Jawatankuasa Promosi

4.7 Penggunaan perkataan '**Polisi EKSA**' perlu ditukar kepada '**Dasar EKSA**' mengambil kira kesesuaian dan atas pandangan pihak MAMPU.

Tindakan : Urus setia

4.8 Penempatan ruang kerja PMO JiMS yang menghalang laluan hos bomba perlu disusun semula. Perlu dapatkan maklumat daripada Institut yang mempunyai peralatan ruang kerja yang boleh dipindahkan ke JTM dan perlu kenalpasti ruang kerja yang bersesuaian.

Tindakan : Fasilitator / Urus setia

4.9 Tindakan penyelarasan pembersihan dinding perlu dibuat bagi ruang dinding yang comot/kotor akibat kesan gam daripada *binding tape/ double sided tape*, sama ada ia perlu dicat semula (dapatkan daripada *building maintenance* sama ada dinding boleh dicat semula) dan perlu selaraskan pembersihan kesan gam tersebut.

Tindakan : Fasilitator / Urus setia

5. PENUTUP

5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 4.00 petang.


Disediakan oleh :


.....
(NURHAIZUM BINTI MAT YUSOF)


Setiausaha

Tarikh : 25/4/2022

Disemak oleh :


.....
(AZIZUL BIN MUSTAFA)
P (KP) / Penyelaras Jawatankuasa Induk EKSA JTM
Tarikh : 25/4/2022

Disahkan oleh :


.....
(MAT SETIA BIN MOHD RAJI)
TKP / Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA JTM
Tarikh : 27/4/22

SENARAI KEHADIRAN:

- | | |
|---|------------------------|
| 1. Encik Mat Setia bin Mohd Raji | - Pengerusi |
| 2. Encik Azizul bin Mustafa | - Penyelaras |
| 3. Hjh Nor Lisa Rahmat | - Fasilitator Interim |
| 4. YBrs. Dr. Azmir bin Mohd Yunus | - Ahli |
| 5. Encik Abd Halim bin Ali
Mohammed | - Ahli |
| 6. Cik Junita binti Mohamed Ali | - Ahli |
| 7. Puan Junnaina binti Husin Chua | - Ahli |
| 8. Puan Nurhaizum binti Mat Yusof | - Setiausaha |
| 9. Puan Rekha A/P Kanapathy | - Penolong Setiausaha |
| 10. Puan Mazra Neesha binti Abdul
Hussin | - Jawatankuasa Latihan |
| 11. Encik Muhammad Hafiz bin Harun | - Jawatankuasa Audit |
| 12. Puan Saidatina Asmah binti
Ajuhary | - Jawatankuasa Promosi |
| 13. Encik Muhammad Farhan bin
Hamid | - Urus setia |
| 14. Puan Juliana binti Ali | - Urus setia |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | |
|----------------------------------|
| 14. Encik Noor Imran bin Mohamad |
| 16. Puan Khaliza binti Khalid |